



Communications

PR VALUE: RM 10,000.00

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	SECTION:	BERITA · NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 21 APRIL 2016	PAGE NO.:	1 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	DEMONSTRASI TENTERA DARAT PUKAU PENONTON, GEGARKAN PWTC		

Jumaat 22 April 2016 | 14 Rajab 1427

Utusan ONLINE Mobile UM

arkib berita Cari

Berita Video Rencana Hiburan Bisnes Pendidikan Sains & Teknologi Gaya Hidup Sukan Lain-lain

TERKINI UTAMA NASIONAL POLITIK PARLIMEN WILAYAH LUAR NEGARA JENAYAH MAHKAMAH KOMUNITI NAHAS & BENCANA

Utusan Online / Berita / Nasional /

Demonstrasi Tentera Darat pukau penonton, gegarkan PWTC

22 April 2016 12:27 AM

[Share](#) [Tweet](#) [Google +](#)



ANGGOTA Tentera Darat membuat demonstrasi menyelamatkan tebusan pada hari terakhir pameran tersebut.

KUALA LUMPUR 21 April – Demonstrasi penutup Tentera Darat pada hari terakhir Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 bukan sahaja berjaya memukau penonton, malah menggegarkan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	SECTION:	BERITA - NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 21 APRIL 2016	PAGE NO.:	2 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	DEMONSTRASI TENTERA DARAT PUKAU PENONTON, GEGARKAN PWTC		

Berbeza dengan demonstrasi menyelamatkan tebusan sebelum ini, persembahan yang ditampilkan oleh pasukan Tentera Darat lebih realistik dan mengujakan.

Paling ketara lebih banyak letupan bom berlaku sehingga menyuntik keterujaan dalam kalangan penonton yang bersesak-sesak di jambatan menghubungkan PWTC dengan Dewan Tun Abdul Razak.

Terdahulu, demonstrasi dimulakan dengan persembahan drum line oleh 25 anggota daripada Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (Puzida).

Persembahan diteruskan pula dengan pasukan pancaragam gabungan Puzida yang terdiri daripada 50 anggota Tentera Darat dengan 10 anggota Tentera Darat Timor Leste.

Tentera Darat Timor Leste yang mengambil bahagian merupakan antara 25 anggota yang sedang mengikuti kursus muzik di Puzida selama enam bulan sehingga Julai ini.

Kemuncak demonstrasi ialah operasi menyelamat tebusan yang dilaksanakan oleh 108 anggota terdiri daripada Unit Lawan Keganasan (ULK) daripada Pasukan 11 Rejimen Gerak Khas, Rejimen 881 Pasukan Udara Tentera Darat dan Cawangan Serigala dari Pusat Latihan Tempur Tentera Darat.

Demonstrasi berlangsung penuh mendebaran dengan adegan berbalas pukulan, tembakan dan letupan bom yang menonjolkan keupayaan pasukan keselamatan menyelamatkan tebusan.

Lebih mengujakan semua penonton, termasuklah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ialah apabila penutup demonstrasi disempurnakan penuh bergaya dengan lapan letupan bom di Sungai Gombak bersebelahan PWTC dan gimik pengajuran DSA 2018.